

**Aktiviti Berpersatuan Mampu Semai Nilai Positif – Rosmah  
Bernama  
07 Julai, 2012**

KUALA LUMPUR, 7 Julai (Bernama) -- Isteri Perdana Menteri Datin Seri Rosmah Mansor mahu lebih ramai anak gadis menyertai Persatuan Pandu Puteri Malaysia kerana melalui aktiviti berpersatuan, mereka dapat memenuhi masa terluang dengan aktiviti lebih sihat.

Rosmah, selaku Yang Dipertua persatuan itu, berkata penglibatan mereka dalam aktiviti seumpama itu akan menyemai sifat positif seperti bertanggungjawab, prihatin, sopan-santun, prihatin, semangat sukarelawan serta sanggup bekerjasama.

"Penyertaan anak-anak dalam Persatuan Pandu Puteri dan Pengakap mampu membina generasi berwawasan dan berdaya tahan.

"Saya mahu anak-anak sekalian memiliki kekuatan minda dan fizikal yang boleh merangsang untuk berfikir ke arah membebaskan diri daripada penjajahan pemikiran, kekeliruan dan ketidakpastian," kata Rosmah ketika berucap pada program 'Ekespresi Remaja Bersama Perdana Menteri' di sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak yang juga Presiden Agung Persekutuan Pengakap Malaysia hadir pada program anjuran Persatuan Pandu Puteri Malaysia itu.

Dalam ucapannya, Rosmah berkata semua pihak sedar golongan remaja menjadi tonggak negara selain bakal mewarisi kepimpinan negara di pelbagai peringkat.

"Perdana Menteri sendiri melihat jauh dan sering meletakkan harapan pada generasi hari muka Malaysia agar menjadi masyarakat berilmu, berjiwa besar dan bangsa yang mampu terbangga kerana kekuatan ilmu serta keterbukaan minda," katanya.

Beliau turut mengucapkan syabas kepada warga Pandu Puteri kerana berjaya mengutip RM2 juta untuk Tabung Bencana Tsunami Jepun.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=678867>